

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2020**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA]

TARIKH : 27 JULAI 2020

SOALAN

YB. TUAN KHOO POAY TIONG [KOTA MELAKA] minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan :

- (a) apakah langkah-langkah jangka masa pendek, sederhana, dan panjang Kementerian untuk memulihkan sektor pelancongan negara dalam situasi COVID-19, khasnya dalam isu kehilangan pekerjaan di sektor tersebut; dan
- (b) maklumat dan statistik mengenai Skim Pembiayaan Pelancongan Penjana.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berikutan terjejasnya industri pelancongan akibat pandemik COVID-19, fokus utama Kerajaan adalah untuk memastikan kelangsungan perniagaan dan aktiviti dalam industri ini. Sehubungan itu, Kerajaan telah mengumumkan beberapa pakej rangsangan ekonomi, antaranya adalah PRIHATIN, PRIHATIN PKS TAMBAHAN dan PENJANA. Antara insentif yang diperkenalkan oleh Kerajaan di bawah Pakej Rangsangan Ekonomi yang dapat membantu meringankan beban penggiat industri pelancongan termasuklah:

- (i) Skim Pembiayaan Pelancongan PENJANA sebanyak RM1 bilion bagi PKS sektor pelancongan;
- (ii) Pengecualian cukai pelancongan sepenuhnya bagi tempoh mulai 1 Julai 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iii) Pelanjutan pengecualian cukai perkhidmatan ke atas perkhidmatan penginapan mulai 1 September 2020 hingga 30 Jun 2021;
- (iv) Program Subsidi Upah yang membolehkan bayaran RM600 sebulan bagi setiap pekerja dilanjutkan selama 3 bulan lagi sehingga 30 September 2020;
- (v) Inisiatif bantuan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) seperti kempen Mikro dan PKS E-Dagang, Skim Pembiayaan PKS PENJANA, Program Pembiayaan Mikro PENJANA dan Geran Padanan Pendigitalan PKS;
- (vi) Potongan cukai untuk perbelanjaan berkaitan COVID-19 seperti pembelian PPE/ pengimbas suhu dan kos ujian saringan;

NO. SOALAN : 32

- (vii) Penawaran penangguhan atau moratorium bayaran pinjaman selama 6 bulan; dan
- (viii) Pemberian diskaun sehingga 50% ke atas bil elektrik.

2. Bermula 10 Jun 2020, sebahagian besar aktiviti ekonomi termasuk pelancongan domestik telah dibenarkan untuk kembali beroperasi dengan mematuhi prosedur operasi standard (SOP). Sehubungan itu, demi memastikan keselamatan warganegara dan pengusaha industri pelancongan bebas daripada jangkitan COVID-19, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC) komited untuk meningkatkan kualiti produk dan perkhidmatan pelancongan terutamanya daripada aspek kesihatan dan kebersihan (*health safety and hygiene*) selaras dengan norma baharu.

3. Dalam hal ini, MOTAC telah menyediakan SOP bagi pembukaan semula sub-sektor pelancongan dan kebudayaan. Sehingga kini, sebanyak 14 aktiviti sub-sektor di bawah seliaan MOTAC telah dibenarkan beroperasi dengan SOP. Antaranya ialah Premis Penginapan Hotel, Syarikat Pengendali Pelancongan, Pemanduan Pemandu Pelancong; Program Pengalaman Homestay Malaysia, Taman Tema, penganjuran *Meetings, Incentives, Conferences, Exhibitions* (MICE), Spa, Pusat Wellness, Pusat Urut Kaki dan Pusat Refleksologi dan Pameran pengembaraan dan perdagangan.

4. Bagi membantu merencanakan pelancongan domestik, Kerajaan juga telah mengumumkan pelepasan cukai pendapatan individu sehingga RM1,000 bagi perbelanjaan melancong dalam negara sehingga 31 Disember 2021 menerusi inisiatif Pakej Rangsangan Ekonomi. Berikutan kelonggaran yang diberikan kepada pelancong kesihatan dalam tempoh PKPP, MOTAC akan terus bekerjasama dengan Majlis Pelancongan Kesihatan atau MHTC bagi terus mempromosikan pelancong kesihatan ke Malaysia.

NO. SOALAN : 32

5. Selain itu, MOTAC turut menyasarkan untuk memberi keutamaan kepada ketibaan pelancong asing dari pasaran jarak dekat melalui pelancongan rentas sempadan atau *cross border tourism* menerusi pelaksanaan gelembung perjalanan atau *travel bubble* dengan negara-negara jiran atau negara-negara zon hijau yang telah dikenalpasti oleh KKM dan MKN. Pelaksanaan gelembung perjalanan ini adalah tertakluk kepada perbincangan dua hala dengan mengambil kira aspek kesihatan, imigrasi, pengesanan data, dan pemantauan berterusan oleh agensi-agensi berkenaan dengan negara-negara yang bakal terlibat.

6. Di samping itu, MOTAC terus komited melaksanakan pelancongan lestari seiring dengan *Agenda Sustainable Development Goals 2030* oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu yang bertujuan untuk melindungi, memulih dan memulihara alam sekitar.

Sekian, terima kasih.